

F

**BH PLUS**

di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video

[FOTO ADI SAFRI/BH]



Hasil ujian di UTHM mendapati kebanyakan sampel cecair stevia tidak mengandungi walau sedikit pun komponen tumbuhan stevia atau bahan semula jadi, sebaliknya kandungan utama adalah kombinasi bahan kimia berbahaya”

**Mohd Fadzelly Abu Bakar**,  
Timbalan Dekan (Penyelidikan,  
Pembangunan dan Penerbitan) Fakulti  
Sains, Teknologi dan Pembangunan  
Insan, UTHM



Mohd Fadzelly menunjukkan pokok stevia dan produk kajian stevia di UTHM, Batu Pahat.

# Pesakit diabetes usah tertipu

➔ Lambakan cecair stevia palsu di pasaran mengandungi bahan kimia berbahaya

Pembangunan dan Penerbitan) Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan (FSTPi) UTHM, Prof Madya Dr Mohd Fadzelly Abu Bakar, berkata mereka menggunakan dua instrumen berteknologi tinggi, *High Performance Liquid Chromatography (HPLC)* dan *Gas Chromatography-Mass Spectrometry (GCMS)* untuk melakukan ujian itu.

### Bahan kimia berbahaya

“Hasil ujian di UTHM mendapati kebanyakan sampel cecair stevia tidak mengandungi walau sedikit pun komponen tumbuhan stevia atau bahan semula jadi, sebaliknya kandungan utamanya adalah kombinasi bahan kimia berbahaya. “Sepatutnya rasa manis dalam produk yang didakwa berasaskan tumbuhan stevia 100 peratus mengandungi satu komponen semula jadi tumbuhan berkenaan, iaitu ‘steviosid’ atau ‘rebaudiosid A’, yang menghasilkan rasa manis semula jadi.

“Sebaliknya, kami menemui pemanis tiruan, *Aspartame*. Kira-kira dua hingga 10 peratus kandungan cecair produk stevia itu juga mengandungi etanol (alkohol), sekali gus mendatangkan kemusykilan mengenai tahap kesuciannya kepada orang Islam.

“Lebih memeranjatkan, kandungan etanol (alkohol) yang biasanya berfungsi sebagai pelarut kepada bahan kimia tertentu untuk menjadikannya cecair, sekali gus didakwa sebagai produk makanan kesihatan,” katanya kepada BH ketika ditemui di UTHM.

Mohd Fadzelly berkata, proses analisis bagi mengenal pasti kandungan sebenar dalam produk cecair stevia itu dilakukan berulang kali bagi mendapatkan keputusan yang tepat, berikutan

aduan pengguna yang meragui produk berkenaan.

“Malah, sampel produk cecair stevia sama turut dihantar ke UPM bagi menjalani proses ujian HPLC dan GCMS. Hasilnya juga sama,” katanya

Beliau berkata, produk yang mengandungi banyak bahan kimia sintetik amat berbahaya kepada tubuh kerana ia tidak boleh disingkirkan oleh organ manusia, apatah lagi jika diambil dalam jangka panjang.

### Penyakit kronik

“Bahan kimia terbabit akan ke organ perkumuhan, termasuk buah pinggang serta hati dan jika komponen kimia itu tidak diserap atau ditapis, lama-kelamaan ia tidak boleh bertahan dan mengakibatkan penyakit kronik, termasuk kegagalan buah pinggang dan hati,” katanya.

Beliau berkata, kebanyakan bahan kimia dan pemanis tiruan seperti *Aspartame* yang digunakan untuk menghasilkan sesetengah produk didakwa sebagai cecair stevia itu dihasilkan di China dan dibeli secara pukal dengan harga murah.

“*Aspartame* dalam bentuk serbuk dijual secara meluas kerana ia banyak digunakan dalam industri pembuatan makanan. Sebungkus besar serbuk itu boleh menghasilkan sehingga ratusan botol produk cecair stevia dengan melarutkan *Aspartame* dengan etanol serta air.

“Namun produk cecair stevia dijual di pasaran pada harga RM50 hingga RM80 sebotol kecil dan kononnya hanya perlu satu atau dua titis untuk mendapatkan rasa kemanisan semula jadi dan lebih sihat daripada gula,” katanya.

**Fakta nombor**

**2 hingga 10 PERATUS**

kandungan cecair produk stevia tiruan juga mengandungi etanol (alkohol)

**15 KALI GANDA**

kemanisan daun stevia berbanding gula

**3.5 JUTA**

pesakit diabetes di Malaysia pada 2015

Antara produk stevia palsu yang dijual di pasaran tempatan.



## ATAM → EKSKLUSIF

Info

### Nama saintifik stevia rebaudiana

Pokok Stevia



**A** Pokoknya renek berdaun bujur, berbatang lembut, bunga halus dan menggerutu.

**B** Dikenali sebagai daun manis atau madu kerana mengandungi bahan yang 20 kali lebih manis daripada gula biarpun masih ada sedikit rasa pahit.

**C** Ekstrak stevia dipanggil steviosid.


**D** Mula digunakan masyarakat Asli Red Indian Guarani di Amerika Selatan sejak 1,500 tahun lalu sebagai pemanis bagi ubat pahit.

**E** Kelebihannya sebagai makanan tambahan dan herba merawat penyakit berkaitan kencing manis, obesiti, menurunkan tekanan darah tinggi, melawaskan kencing dan merawat luka terbakar.

**F** Dijadikan pengganti gula di Jepun dan menguasai 40 peratus industri pemanis, manakala Korea Selatan adalah negara kedua terbesar menjadikan stevia sebagai bahan pemanis.

### Stevia mengandungi

- **Steviosid** tidak mengandungi toksik
- **Phytonutrients** - bahan membantu mencegah pelbagai penyakit
- **Ekstrak minyak** mudah meruap (volatile oil)
- **B-Sitosterol** - sterol tumbuhan yang larut dalam etanol, tidak mengandungi kalori tidak menghasilkan glukosa



### BAHAYA KANDUNGAN STEVIA PALSU

Deen : Grafik BH



Daun stevia yang dikeringkan.